



**PUSAT SUMBER
PENGAJARAN & e-PEMBELAJARAN
(PSPe)**

MC
MICRO-
CREDENTIALS

MOOC
MASSIVE OPEN ONLINE
COURSES

PTG
PEMBELAJARAN TERADUN
GANTIAN

GC
GLOBAL
CLASSROOM



2022 | LAPORAN TAHUNAN



UMPMalaysia
www.ump.edu.my

**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**



WORLD-ASIA-SUBJECT-SUSTAINABILITY
IMPACT-WORLD-SUBJECT





PUSAT SUMBER
PENGAJARAN & e-PEMBELAJARAN
(PSPe)

MC

MICRO-
CREDENTIALS

MOOC

MASSIVE OPEN ONLINE
COURSES



PTG

PEMBELAJARAN TERADUN
GANTIAN

GC

GLOBAL
CLASSROOM

**2022 | ANNUAL
REPORT**

Hak Cipta PSPe, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) terlebih dahulu.

Reka bentuk dan diterbitkan oleh :

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Isi Kandungan

TINTA Pengarah	7
Oraganisasi PSPe	8
Perkhidmatan / Fasiliti PSPe	11
Pengenalan PSPe	12
Pencapaian PSPe	14
PTS / PTG	16
Modular / MOOC	17
Micro-credentials	18
Micro-credentials Industry	19
Global Classroom	20
Insentif Perkakasan	21
Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) 2022	22
Webinar PSPe	24
Diari Aktiviti PSPe	25
JKKP dan EKSA PSPe	48
Lensa PSPe	51
Sidang Editor	61



T I N T A PENGARAH

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pihak warga UMP dan warga PSPe yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran 2022.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buku Laporan Tahunan 2022 Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) dapat diterbitkan.

Berikutan susulan pasca-pandemik COVID-19 yang menyerang negara beberapa tahun kebelakangan ini, pihak PSPe dalam usaha penyesuaian norma baharu terutamanya dalam pengurusan operasi, pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah dilaksanakan demi memacu Pelan Strategik UMP 2021-2025 dalam memperkasakan pembelajaran atas talian.

Ke arah merealisasikan hasrat PSPe untuk menjadi sebuah pusat e-pembelajaran yang terunggul di antara universiti awam, PSPe telah memeta haluan dengan mengadakan kolaborasi-kolaborasi bersama agensi/institusi luar dalam membangunkan inisiatif Micro-credential seperti BINUS, UNISA, MTDC. Dengan adanya kerjasama ini dapat meluaskan lagi jaringan hubungan antarabangsa dalam konteks e-pembelajaran.

Seperti sedia maklum, salah satu inisiatif PSPe yang lain iaitu Global Classroom perlu diambil kira dalam membina rangkaian dengan universiti luar dan industri dalam perkongsian ilmu dan maklumat merentas benua. Sekaligus memberikan impak positif kepada pelajar dalam perkongsian ilmu menggunakan teknologi. Inisiatif-inisiatif ini selain mengukuhkan lagi jaringan hubungan di antara institusi luar dan peringkat antarabangsa, ia juga dapat membantu universiti melakukan penambahbaikan terhadap kursus-kursus yang ditawarkan berdasarkan maklumbalas dari pihak luar.

Penubuhan PSPe bertujuan untuk menjadi pusat rujukan dalam bidang e-pembelajaran dan pusat penyebaran pendigitalan pembelajaran dimana harapan kami kesemua kursus yang telah dirangka dan disesuaikan dengan kehendak arus teknologi moden memiliki tahap pembelajaran yang berkualiti tinggi serta dapat memenuhi keperluan universiti dan mencapai halatuju UMP.

Profesor Madya Ts Dr. Awanis Romli

Pengarah

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)

Universiti Malaysia Pahang





PENGARAH

Prof Madya Ts. Dr. Awanis Romli

"If students find video games highly engaging, it is possible to apply similar principles to online learning to make it more interactive and motivating for students.



TIMBALAN PENGARAH

Dr. Sureena Abdullah

Live as if you were to die tomorrow. Learn as if you were to live forever.



KETUA TEKNIKAL

Dr. Al-Fahim Mubarak Ali

The world isn't all sunshine and rainbows. Everybody is going to get hit as hard as life. But it isn't about how hard you get hit; it is about how hard you can take and keep moving forward. That's how success is achieved.



EKSEKUTIF KANAN

Mohd Shahri Mohd Akhir

"Leadership is not a license to do less, it's a responsibility to do more!

-Dr Patton-



PEREKA
Yuzawani Yusoff

Success is no accident. It is hard work, perseverance, learning, studying, sacrifice and most of all, love of what you are doing or learning to do.



PEREKA
Nursurainie Mohamed Shateri

Creativity is intelligence having fun, they can imitate your style, but they can't imitate your creativity.



PEREKA
Zul Idham bin Yahya

Always be yourself, express yourself, have faith in yourself, do not go out and look for a successful personality and duplicate it.



PEMBANTU PENTADBIRAN

Nurul Ashikin Mohd Anasir

No matter how badly someone treats you Never drop to their level Remain calm, stay strong, & walk away.



PEMBANTU PENTADBIRAN

Nurin Afina M. Bakri

Even in the midst of doubt, life is worth living, so live another day.



JURUTEKNIK KOMPUTER

Mohd Amerul Shuib

Optimism is the faith that leads to achievement. Nothing can be done without hope and confidence.

Perkhidmatan / Fasiliti
PUSAT SUMBER PENGAJARAN & e-PEMBELAJARAN (PSPe)



FOTOGRAFI

—
VIDEO
PDP

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
Universiti Malaysia Pahang

• KEMUDAHAN •

ISTUDIO



Aras 1,
Pejabat PSPe,
Bangunan PTMK,
UMP Pekan

ILEARN



Blok M
Bangunan MBA Lounge
UMP Kampus Paya Besar

GLOBAL CLASSROOM




Aras 1 - 12,
Bangunan PBMSK,
UMP Pekan

Penggunaan bagi kemudahan di PSPe adalah dibenarkan HANYA untuk aktiviti dan urusan Kandungan Digital (P&P) sahaja. Tempahan penggunaan mestilah tiga(3) hari sebelum.

www.cirel.ump.edu.my •





PENGENALAN

PSPe

PPPM (PT)

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENDIDIKAN TINGGI)

PPPM (PT) menggariskan 10 Lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama berkaitan sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.



Empat Lonjakan memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (enablers) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, penyampaian.

UMP 21-25



TERAS 1B : AKADEMIK BERSAMA KOMUNITI

Teras kedua bagi keunggulan TVET aras tinggi ialah Akademik Bersama Komuniti. Dalam konteks ini, ia berfokus kepada penglibatan komuniti seperti alumni, industri, masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kepentingan akademik bersama masyarakat adalah untuk mengurangkan jurang di antara kebolehan graduan yang menepati keperluan industri dengan kebolehan pelajar yang dibina di universiti. Terdapat empat (4) petunjuk prestasi utama untuk mengukur keberhasilan Akademik Bersama Komuniti.

PELAJAR DARI INDUSTRI

PROGRAM IJAZAH BERSAMA UNIVERSITI ANTARABANGSA


PROGRAM AKADEMIK BERPACUKAN KOMUNITI; DAN

PENDIGITALAN KANDUNGAN AKADEMIK UNIVERSITI

PPUIB(4) : PENDIGITALAN KANDUNGAN AKADEMIK UNIVERSITI

Kursus Micro-credential adalah kursus yang memperakui pengetahuan kemahiran dan kompetensi dalam sesuatu bidang secara digital. Ia boleh menjadi sebagai satu komponen program yang telah mendapat akreditasi atau kursus lain yang menyokong program profesional, teknikal, akademik dan pembangunan sendiri pelajar atau peserta.






PENCAPAIAN PSPe

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan bagi menerajui agenda e-Pembelajaran Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak Januari 2016. Antara fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh PSPe adalah :




Inisiatif



PTS

1

KALAM adalah satu sistem atas talian yang digunakan oleh staf akademik, tenaga pengajar dan para pelajar di UMP bagi mengukur pencapaian bagi Pembelajaran Teradun (Blended Learning). Melalui pembudayaan dan juga penggunaan yang efektif dikalangan komuniti UMP ini, secara puratanya pencapaian keseluruhan Pembelajaran Teradun (PT) bagi tahun 2022 adalah sebanyak 90%.




PTG


2

Pelaksanaan dan pembudayaan Pembelajaran Teradun Sokongan (BL) dan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (PdP-DT) di UMP melalui pembudayaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Kaedah PTG ini akan diterapkan ke dalam kurikulum fleksibel dalam bentuk pembangunan dan penawaran kursus Modular dan Micro-Credential. Pelantar yang akan digunakan dalam penawaran kursus Modular dan Micro-Credential secara dalaman UMP adalah melalui pelantar KALAM dan TINTA.



Massive Open Online Courses atau MOOCs ialah kursus dalam talian yang ditawarkan kepada para pelajar dan komuniti yang boleh diakses melalui internet. MOOCs memberi manfaat kepada sistem pendidikan tinggi Malaysia kerana MOOCs dapat meningkatkan enrolmen pelajar, mempertingkatkan kualiti pengajaran, mengantarabangsakan IPT dan mengurangkan kos penyampaian kandungan kursus.




PEMBANGUNAN KURSUS MOOC BERSAMA BINUS UNIVERSITY, INDONESIA.

SYSTEM ANALYSIS & DESIGN

ENROLMEN

207 



DATA STRUCTURE & ALGORITHM

ENROLMEN

429 


Micro-credentials adalah kursus pendek yang memberikan pengiktirafan bagi pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh dalam bidang tertentu. Mereka menawarkan fleksibiliti dan akses mudah kepada individu yang ingin memperoleh pengetahuan atau kemahiran tambahan, dan dapat memberikan manfaat dalam perkembangan profesional dan peluang kerjaya.

Pada tahun 2022, UMP telah berjaya membangunkan 10 kursus Micro-credentials dan telah di tawarkan di pelantar ILMU UMP Advance.

Bil.	Kod Kursus	Fakulti / Pusat	Nama kursus <i>Micro-Credential</i>	Bilangan Enrolmen Komuniti Luar
1	BCI1093_MC01	FK	Data Structure & Algorithm	429
2	BCS113_MC01	FK	System Analysis & Design	207
3	B5B2193_MC01	FSTI	Microbes for Human Applications	6
4	UHL2422_MC01	PBM	Technical Product Presentation	7
5	BTE3233_MC01	FTKEE	Introduction to Digital Electronic	5
6	BSP1163_MC02	FSTI	Direct Current Circuit	1
7	BSK1133_MC01	FSTI	Gases	2
8	DMM2523_MC01	FTKPM	Siri Skor Dynamic 1	1
9	BPQ2213_MC03	FPI	Time Value of Money And Capital Budgeting	2
10	BET1263_MC01	FTKA	Soil Formation and Classification For Civil Engineering Work	1

PEMBANGUNAN KURSUS MICRO-CREDENTIALS UMP

PELANTAR TINTA



Pembangunan kursus Micro-credentials dilaksanakan di dalam pelantar TINTA

www.tinta.ump.edu.my

Micro-credentials yang dikembangkan bersama industri dapat membantu dalam pengembangan karir peserta pelatihan. Dengan mengikuti program pelatihan yang diakui oleh industri, peserta pelatihan dapat meningkatkan keterampilan dan pengetahuan mereka dalam bidang yang relevan dan meningkatkan kemahiran. Pada penghujung tahun 2022, UMP telah membangunkan Micro-credentials dengan kerjasama industri.



MODUL

Solar Thermal System and Application for Industry



MODUL

Technical Mandarin for Metallurgy : Coking Plant



MODUL

TRIZZ Method in Engineering



MODUL

Solar Cell Technology



MODUL

Technopreneuership
Marketing



MODUL

Machines Maintenance

PSPe meneruskan kesinambungan bagi inisiatif Global Classroom (GC) dimana saban tahun dapat dilihat peningkatan bilangan aktiviti Global Classroom yang telah dijalankan oleh pihak fakulti, pusat dan kolej. Bagi memastikan aktiviti GC ini dapat dijalankan dengan baik, kerjasama dengan konsortium yang menjalankan inisiatif Global Classroom ini diperingkat antarabangsa seperti Collaborative Open Online learning (COIL) - SUNY COIL berpangkalan di State University of New York (USA) dan juga Kansai University atau dikenali sebagai KU COIL (Jepun), serta lain-lain rakan kerjasama seperti BINUS University. Sehingga Disember 2022, sebanyak 65 aktiviti Global Classroom telah berjaya dijalankan.

Pencapaian Aktiviti Global Classroom




GLOBAL CLASSROOM	AKTIVITI	65	
GLOBAL CLASSROOM	PELAJAR	1258	





Statistik Insentif Perkakasan RM500

UMP menyokong penuh bagi insentif kepada tenaga pengajar sebanyak RM500 dalam pembelian perkakasan dan juga peralatan bagi menghasilkan bahan pengajaran yang berkualiti.




Untuk maklumat lanjut sila layari portal rasmi PSPe

www.cirel.ump.edu.my

KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI AWAM KE-16

Konvokesyen KIK untuk tahun 2022 telah diadakan atas talian yang dihoskan kali ini dari UTHM, UMP menyenaraikan 3 kumpulan, dan salah satu darinya dari unit Pusat sumber pengajaran dan e-pembelajaran (PSPe). Keanggotaan keahlian,PSPe menyenaraikan kesemua 9 orang staf untuk melibatkan diri dalam siri KIK kali ini. PSPe mengetengahkan tajuk UMP Digital Assesment System (UDAS) iaitu pengurusan taksiran atas talian.



KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI AWAM KE-16



WEBINAR

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan 10 siri webinar (latihan secara dalam talian) kepada semua staf akademik dan tenaga pengajar UMP sepanjang 2021 dengan jemputan pakar-pakar akademik mengikut skop latihan yang telah ditetapkan. Bahan-bahan bagi sesi webinar yang berkenaan boleh dimuat turun dari portal rasmi PSPe di www.cirel.ump.edu.my atau imbas kod QR.



UDAS : UMP Digital Assessments System
Safe Exam Browser 101

Learning Objectives

- To introduce the safe exam browser tool
- To explain the configuration of safe exam browser
- To identify some of the common issues associated with safe exam browser

Friday 22 April 2022
 10:00am - 11:00am
 Microsoft Teams

Dr. Nur Akmaliah
 Faculty of Science
 (Health, Bioprocess & Food)

Organized by
 Centre of Instructional Resources & e-Learning
 University of Malaya
www.cirel.ump.edu.my

Scan QR Code & Join us!

Webinar
Assessment for Micro-Credentials

19th Dec 2022 | Monday
 10:00am - 12:00pm

Synopsis
 Micro-Credentials for a stackable accredited academic programme must retained all aligned assessment as in the original course. Else, all credentials from the MCs cannot be redeemed as equivalent to the normal course. In this session, we will discuss strategies how to preserve the aligned assessment in each MC so that they can be stackable. We will also discuss how we may support our students gradually online learning for the assessment that they need to performed in our MC.

Dr. N. S. Azman Binti Abu Bakar
 Faculty of Civil Engineering Technology

JOIN ZOOM MEETING | <https://tinyurl.com/mw2yehm5>
 Meeting ID: 955 7196 7732 | Passcode: 963767

Visit Our Website
cirel.ump.edu.my

How to Design Your Micro-credentials Course

19th Oct 2022 | Wednesday
 10:00am - 12:00pm

Synopsis
 This webinar will present the concept and characteristics of micro-credential (MC), as well as the important aspects, including instructional design element, that need to be considered when planning and designing an MC course.

Webinar Objectives

- Identify the concept of MC
- List the characteristics of MC, and
- Apply important aspects of planning and designing MC in their own MC course.

Assoc. Prof. Dr. Farah Dina Yusop
 Former Director of ADIC, Universiti Malaya

JOIN US!

Join Zoom Meeting
<https://tinyurl.com/42cubayn>
 Meeting ID: 914 2222 3081
 Passcode: 311800

Visit Our Website
cirel.ump.edu.my


WEBINAR
Perlindungan Hak Cipta dalam Dunia Digital

22 Dis 2022
 10:00pg - 12:00t/hari

Join Zoom Meeting
<https://tinyurl.com/42cubayn>
 Meeting ID: 427 2300 5946
 Passcode: 522654

IRHAM SAAD BIN MAHMOUD
 Managing Director
 Copyright Clearance Center (CCC)
 International Copyright and
 Registration Administration Center

Join sertail
CPD



DIARI AKTIVITI PSPe



MESUARAT PENYELARAS E-PEMBELAJARAN UMP

14 JANUARI 2022

Bilik Mesyuarat FIM UMP
Gambang

Mesyuarat JK e-Pembelajaran UMP Bil 1 & 2/2022 telah berjaya dijalankan pada 14 Januari 2022 (Bilik Mesyuarat FIM) dan 24 Mac 2022 (Bilik Mesyuarat PTMK). Mesyuarat yang dijalankan ini dihadiri oleh penyelaras e-pembelajaran yang dilantik oleh fakulti/pusat/kolej.

Objektif mesyuarat JK e-pembelajaran UMP ini adalah untuk membincangkan serta mendapatkan maklumbalas bagi pembangunan dan juga perjalanan inisiatif e-pembelajaran UMP di fakulti/pusat/kolej masing-masing.





BENGGEL PENYEDIAAN & PEMBANGUNAN BAHAN KANDUNGAN DIGITAL KURSUS MODULAR DAN MICRO-CREDENTIAL UMP

9-10 Februari 2022

Dewan Tun Teja Gambang, Bilik Latihan 2 PTMK Pekan

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) telah mengadakan satu siri bengkel bersama para pembangun kursus (SME) di Dewan Tun Teja, Kampus Gambang dan Bilik Latihan 2, Kampus Pekan pada 9 -10 Februari 2022. Bengkel Pembangunan ini telah dihadiri oleh para pembangun kursus yang dikendalikan oleh unit teknikal dan grafik PSPe yang diketuai oleh Dr. Al-Fahim Mubarak Ali.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk membantu para pembangun kursus Modular dan Micro-Credential bagi menyempurnakan kursus masing-masing sebelum ditawarkan kepada komuniti dalam dan luar UMP. Penyediaan kursus-kursus ini adalah bagi menyokong kepada kaedah pembelajaran yang fleksibel sekaligus membantu mencapai sasaran Pelan Strategik UMP25.



WEBINAR : PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)

9 Mac 2022 | MS Teams

Dalam menyahut seruan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bagi memperkasakan pembelajaran yang lebih holistik di era pandemik & endemik COVID-19 ini, Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) mengambil pendekatan yang agresif dalam memastikan proses pembelajaran dan pengajaran disampaikan dengan lebih baik dan menyeluruh.



BENGGEL AKHIR PEMBANGUNAN MASTERPLAN e-LEARNING UMP

30 Mac - 1 April 2022 | Swiss-Garden
Hotel & Residences Genting Highlands

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) telah mengadakan Bengkel Semakan Akhir Dokumen Masterplan e-Learning UMP 2021-2025 bertempat di Swiss Garden Residences Hotel, Genting Highlands pada 30 Mac - 1 April 2022 yang lepas. Bengkel pada kali ini disertai oleh ahli JK Taskforce Master Plan e-Learning UMP 25 yang dilantik oleh pihak UMP.

Objektif dan keberhasilan bengkel adalah ini adalah untuk kerja-kerja semakan akhir bagi dokumen Masterplan e-Learning UMP 2021-2025. Madya Ts. Dr Awanis Romli selaku ketua JK Task Force e-Learning UMP 25.



MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI ANTARA MQA IPT



12 April 2022 | Kementerian Pengajian Tinggi

Sekitar majlis menandatangani MoU diantara MQA dengan IPT untuk program rintis 'Stand-alone Micro-credential' dimana UMP terpilih dalam program yang tersebut. UMP diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof.Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, dan program rintis ini akan diselaraskn oleh Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) yang diketuai oleh Pengarah PSPe iaitu Prof. Madya Ts. Dr Awanis Romli.





BENGGEL AKHIR GARIS PANDUAN KUALITI KANDUNGAN E-PEMBELAJARAN (GPKKEP)

20 April 2022 | Zenith Hotel, Kuantan

Bengkel Akhir Garis Panduan Kualiti Kandungan e-Pembelajaran (GPKKeP) telah diadakan pada 20 April 2022 bertempat di Zenith Hotel, Kuantan. Pada siri kali ini, seramai 16 ahli task force GPKKeP telah bersama-sama PSPe dalam menyediakan dokumen akhir Garis Panduan Kualiti Kandungan e-Pembelajaran, UMP.



Objektif utama siri bengkel ini adalah untuk menyediakan satu dokumen lengkap yang akan digunakan sebagai bahan rujukan utama oleh komuniti UMP dalam menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran secara digital (e-kandungan).





PUSAT SAINS KEMANUSIAAN (PSK)

18 APRIL 2022

Bengkel bersama Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) telah diadakan di iLEARN, Kampus Gambang.

Objektif bagi bengkel yang dianjurkan oleh pihak PSK ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan secara terperinci bagi inisiatif-inisiatif e-pembelajaran UMP. Bengkel ini memfokuskan kepada para pensyarah dan juga pembangun kursus bagi Modular, Micro-Credential serta Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT) dan dibimbing oleh Timbalan Pengarah PSPe iaitu Ts. Dr. Roshahliza Binti M Ramli serta dibantu oleh tiga (3) orang staf teknikal PSPe iaitu Nursurainie Mohamed Shateri, Muhammad Iqbal Ramly dan Muhammad Hazhar Abd Aziz. Universiti Malaysia Pahang (UMP)





LAWATAN KERJA TEKNIKAL PSPE KE AL-HIJRAH MEDIA CORPORATION & MEDIA PRIMA BERHAD (TV3)

16 JUN 2022


Seramai enam (6) orang staf Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) yang diketuai oleh Dr. Al-Fahim Mubarak Ali (Ketua Teknikal PSPe) telah mengadakan sesi lawatan kerja teknikal ke Al-Hijrah Media Corporation dan juga Media Prima berhad (TV3) pada 14 hingga 16 Jun 2022 yang lalu.

Lawatan kerja teknikal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan berkenaan skop kendalian teknikal dalam bidang penyiaran serta pembangunan kandungan kreatif dan juga digital seiring dengan keperluan teknologi dunia hari ini. Sepertimana yang sediamaklum, pandemik COVID-19 yang melanda dunia sehingga ke hari ini, telah merubah skop penyampaian dan juga medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat dan sebagainya. Di samping itu, lawatan kerja ini juga dapat memberikan peluang kepada pihak PSPe meneroka kerjasama strategik bersama agensi luar sekaligus melahirkan idea-idea yang baharu.

Pengurus Besar, Jabatan Kejuruteraan & Sokong Penyiaran, Al Hijrah Media Corporation, Tuan Haji Suffian, dan Encik Kamaruddin Mape selaku Pengarang Kumpulan dari Jabatan Berita & Ehwat Semasa Rangkaian Televisyen, Media Prima Berhad turut serta bersama-sama delegasi PSPe dalam memberikan input yang berfokuskan teknikal penyiaran serta kandungan kreatif dan digital sepertimana yang diperlukan oleh pihak PSPe.




BENGGKEL DAN SESI PERKONGSIAN PENGGUNAAN PELANTAR UDAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR



7 JANUARI & 21 JUN 2022

Bengkel bersama staf akademik dan tenaga pengajar dari Kolej Kejuruteraan ini telah diadakan pada 17 Jun 2022 yang lepas dimana pengisian bengkel mengfokuskan kepada penggunaan sistem UDAS bagi tujuan peperiksaan akhir semester 2 2021/2022. Seramai 30 orang staf akademik dan tenaga pengajar Yang mengikuti siri bengkel pada kali ini yang dijalankan secara hibrid.



BENGGKEL E-PEMBELAJARAN PUSAT SAINS MATEMATIK (PSM)

18 APRIL 2022



Sesi webinar berkenaan pembangunan bagi Kursus Modular dan Micro-credential telah dijalankan bersama staf akademik Pusat Sains Matematik dengan kerjasama Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe). Prof Madya Dr Mohd Sham bin Mohamad, selaku Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) Pusat Sains Matematik (PSM), turut menghadiri sesi bengkel yang tersebut bagi menyokong inisiatif dibawah PSPe sekaligus menyuntik semangat para pensyarah PSM.

BENGGKEL E-PEMBELAJARAN PUSAT BAHASA MODEN (PBM)

30 MEI 2022




Pusat Bahasa Moden (PBM) telah mengadakan bengkel e-pembelajaran bagi memberikan pendedahan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar dalam melaksanakan sekaligus menjayakan inisiatif e-Learning UMP. Selaku penyelaras e-Pembelajaran PBM, Dr. Nor Yazi Binti Khamis dipertanggungjawabkan dalam membantu para pensyarah di Pusat Bahasa Moden dalam melaksanakan inisiatif e-learning sekaligus mencapai KPI yang telah ditetapkan. Bengkel ini telah dihadiri oleh 15 orang pensyarah dan dibantu oleh Ts Dr. Roshahliza Ramli, Timbalan Pengarah PSPe.



BENGGEL PEMBANGUNAN MICRO-CREDENTIALS BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI (FPI)

6 APRIL 2022



Sesi Bengkel e-learning bersama Fakulti Pengurusan Industri (FPI) telah diadakan pada 6 April 2022 bertempat di Dewan Tun Fatimah, Kampus Gambang. Seramai 25 orang staf akademik yang telah menghadiri sesi bengkel pada kali ini termasuk Dekan fakulti iaitu Dr. Mohd Hanafiah Ahmad. Bengkel yang diselaraskan oleh Puan Norazidah Shamsudin selaku penyelarass e-pembelajaran FPI adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada staf akademik di fakulti bagi inisiatif-inisiatif e-pembelajaran UMP seperti kursus Modular, Micro-Credential, Global Classroom, Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) dan juga sistem serta pelantar yang digunakan di UMP seperti KALAM dan UDAS yang mana telah menjadi sebahagian daripada KPI yang perlu dicapai oleh pihak fakulti.

Peserta juga diberikan penerangan serta tutorial asas bagi penggunaan studio yang mana memudahkan lagi proses pembangunan kandungan digital untuk kursus-kursus yang dibangunkan seperti kursus modular dan juga Micro-Credentials. Bengkel ini dikendalikan oleh Ts. Dr. Roshahliza Ramli bersama staf teknikal PSPe iaitu Cik Nursurainie dan juga En. Iqbal.



MICRO- CREDENTIALS EDUCATION SUMMITS 2022


6 APRIL 2022



Persidangan ini telah dirasmikan oleh Datuk Zahidi Zainul Abidin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia dimana objektif utama bagi persidangan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada institusi pendidikan di Malaysia berkenaan evolusi pendidikan secara dalam talian melalui kaedah Micro-Credential (MC).

Dalam persidangan ini juga, seorang pelajar dari Fakulti Komputeran, Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah di antara 30 finalis bagi pertandingan Microsoft Office Specialist Championship & Adobe Certified Professional Championship Malaysia 2022 Grand Finale.

Pada persidangan ini juga, satu forum telah berjaya dijalankan melalui perkongsian hebat oleh speaker jemputan seperti, Dr Sommai Piya, Art President, Rajamangala University of Technology Thanyaburi, Thailand, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil Rahmat, University Kuala Lumpur, dan YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad, Pengarah Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).



BENGGKEL E-LEARNING BERSAMA FAKULTI KOMPUTERAN (FK)

6 JULAI 2022

Bengkel bersama Fakulti Komputeran (FK) telah berjaya diadakan secara atas talian dengan penyertaan seramai 35 orang ahli fakulti. Bengkel yang dianjurkan oleh Fakulti Komputeran ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan secara terperinci bagi inisiatif-inisiatif e-pembelajaran dibawah seliaan Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe), Universiti Malaysia Pahang (UMP), seperti pembangunan kursus Modular, Micro-Credential, konsep PTG dan juga inisiatif Global Classroom.

Bengkel ini diketuai oleh Timbalan Pengarah PSPe iaitu Ts. Dr. Roshahliza Binti M Ramli dan dibantu oleh tiga (3) orang staf teknikal PSPe iaitu Nursurainie Mohamed Shateri, Yuzawani Yusoff dan Muhammad Iqbal Ramly.



SESI RAKAMAN PEMBANGUNAN VIDEO MICRO-CREDENTIAL INDUSTRY BERSAMA UNIDO




SESI PENGHASILAN VIDEO DRY RUN BAGI MODUL SOLAR THERMAL SYSTEM DENGAN KERJASAMA UMPT-UNIDO

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) sekali lagi diberi kepercayaan oleh pihak UMP Technology Sdn Bhd (UMPT) bagi menghasilkan video kandungan digital bagi kursus Solar Thermal System yang dibangunkan oleh Profesor Madya Ts. Dr. Amir Bin Abdul Razak (FTKMA) dengan kerjasama United Nations Industrial Development Organization (UNIDO). Pembangunan video bagi kandungan digital ini melibatkan enam (6) module bagi tujuan Dry Run.

Pembangunan ini melibatkan kerja-kerja rakaman dan suntingan mengambil masa hanya sebulan untuk disiapkan dan diketuai oleh Pengarah PSPE, Prof. Madya Dr Awanis Romli dan barisan staf teknikal PSPe iaitu Yuzawani Yusoff, Nursurainie Mohamed Shateri dan Mohammad Iqbal Ramly.



ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI : REKABENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF TAHUN 2022 (AKRI)



Satu projek bagi inovasi akademik dari UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) telah berjaya menempatkan diri ke peringkat akhir bagi Anugerah Khas Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi : Rekan Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2022 (AKRI 2022). Projek inovasi KALAM-ON-THE-GO dibawah selian Ts Dr Roshahliza M Ramli adalah diantara lima (5) projek terabit bagi kategori Pembelajaran Imersif Maya.

Naib Canselor uMP, Profesor Dato' Ts Dr Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts Dr Mohd Rosli Hainin dan Timbalan Naiv=b Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Ts Dr Mohd Ruslim Mohamed turut hadir ke majlis AKRI 2022 yang telah di sempurnakan Oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.





PROGRAM MINDS – SESI PENERANGAN E-PEMBELAJARAN (KALAM & UDAS)

13 Oktober 2022

Dewan Serbaguna UMP Pekan dan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang

Program MINDS telah diadakan pada 13 Oktober 2022 dimana pada sesi kali ini, program dijalankan serentak di kampus Pekan & Gambang. Objektif bagi slot perkongsian e-pembelajaran (KALAM & UDAS) bersama pelajar baru ini adalah untuk memberikan pendedahan awal bagi tatacara penggunaan pelantar-pelantar pembelajaran (dalam talian) yang akan digunakan oleh pelajar sepanjang sesi pembelajaran di UMP.

Sesi penerangan e-Pembelajaran ini telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) iaitu Profesor Madya Ts DrAwanis Romli (Kompleks Sukan, UMP kampus Gambang), dan Timbalan Pengarah Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) Ts Dr Roshahliza M Ramli (Dewan Seberguna UMP Pekan) dengan kehadiran pelajar baharu hampir 600 orang.

Bagi memeriahkan lagi sesi perkongsian ini, pihak PSPe telah menyediakan 3 hadiah menarik & eksklusif bagi sesi soal jawab kuiz yang disediakan.





WORLD SUSTAINABLE CONSTRUCTION CONFERENCE SERIES 2022 (WSCC SERIES 2022)

14 Oktober 2022 | Novotel Kuala Lumpur



Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) telah diberi tanggungjawab dalam mengendalikan urusan teknikal bagi persidangan World Sustainable Construction Conference Series 2022 (WSCC Series 2022) dengan menggunakan perisian ZOOM sepenuhnya oleh kumpulan teknikal dari PSPe.

Program ini dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) dengan kerjasama rakan strategik strategik iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Beijing Jiatong University, Universitas Syiah Kuala Aceh, Universitas Muhammadiyah Aceh dan Universitas Brawijaya Indonesia.





PROGRAM PERASMIAN RUANG REKA STIE KELUARGA MALAYSIA

BERA, 15 Oktober 2022 - Program Perasmian Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia di Felda Bukit Puchong, Bera telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Program tersebut dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia di Felda Bukit Puchong, Bera merupakan sudut inovasi digital yang dilengkapi dengan makmal komputer, studio digital, sudut pameran dron dan reka bentuk bagi membudayakan kreativiti serta inovasi dalam kalangan komuniti luar bandar.

Objektif program tersebut adalah memberi pendedahan dan latihan kemahiran kepada para peserta khususnya komuniti tentang penggunaan teknologi baharu seperti pencetak tiga dimensi (3D), dron, robotik dan reka bentuk digital dengan memberi peluang mereka bentuk poster dan video di Bilik Studio Digital.

Turut sama hadir tenaga pengajar dan pensyarah dari berberapa fakulti dan jabatan iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Dr. Abdul Nasir Abd Ghafar, Ketua Kluster (Perundingan dan Khidmat Teknikal), Pusat Reka Bentuk dan Teknologi (PRInT), Mohamad Azlan Mat Hussin, Pereka Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe), Nursurainie Mohamed Shateri, dan Pereka Pejabat Naib Canselor, Noor Azhar Abdul Rasid.





FESTIVAL INOVASI PENGAJARAN PEMBELAJARAN (TLIF) KE-8 2022

18 OKTOBER 2022 | UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

Festival Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (TLIF) ke-8 2022 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Oktober 2022 di Universiti Teknologi Petronas (UTP). Pada festival yang berkenaan, sebanyak 76 poster bagi projek inovasi akademik telah dipertandingkan dari dalam dan luar negara. Penilaian ini melibatkan 18 hakim dalaman dan 14 hakim dari luar. Pada festival kali ini, julung kalinya pihak UTP mempamerkan produk AR/VR UTP kepada umum. Wakil daripada Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) juga dijemput dan dilantik sebagai juri luar yang diketuai oleh Prof. Madya Ts Dr Awanis Romli, Ts Dr Roshahliza Ramli, Dr Al-Fahim Mubarak Ali dan Encik Mohd Shahri Mohd Akhir.



EDUTECH ASIA 2022

10 NOVEMBER 2022 | THE SAND EXPO, SINGAPURA

Festival Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (TLIF) ke-8 2022 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Oktober 2022 di Universiti Teknologi Petronas (UTP). Pada festival yang berkenaan, sebanyak 76 poster bagi projek inovasi akademik telah dipertandingkan dari dalam dan luar negara. Penilaian ini melibatkan 18 hakim dalaman dan 14 hakim dari luar. Pada festival kali ini, julung kalinya pihak UTP mempamerkan produk AR/VR UTP kepada umum. Wakil daripada Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) juga dijemput dan dilantik sebagai juri luar yang diketuai oleh Prof. Madya Ts Dr Awanis Romli, Ts Dr Roshahliza Ramli, Dr Al-Fahim Mubarak Ali dan Encik Mohd Shahri Mohd Akhir.

Pada siri kali ini, forum TLIF juga disertai oleh penceramah dari luar seperti Prof. Madya Dr Wan Zuhainis (bekas Pengarah, Bahagian Kecemerlangan Akademik, Kementerian Pengajian Tinggi KPT), dan Prof. Dr. Suria Baba (Pengarah, Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, Universiti Malaysia Kelantan) dengan tema perbincangan memfokuskan kepada Pembelajaran Masa Depan dan Pendidikan Fleksibel: Ke Arah Kesaksamaan Pendidikan.





BENGGEL PEMBANGUNAN KANDUNGAN DIGITAL

3-5 OKTOBER | DEWAN SEMINAR, FAKULTI KOMPUTERAN, UMP PEKAN

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) Universiti Malaysia Pahang telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kursus Digital. Bengkel ini dihadiri oleh 29 orang pensyarah yang terdiri daripada pembangun kursus Micro-Credentials. Bengkel selama 3 hari ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan pembangunan kursus digital Modular/Micro-credentials secara “hands-on” kepada para pensyarah.

lanya merangkumi cara rekabentuk pengajaran sebelum membuat pembangunan kursus selain berkongsi idea dan pengalaman dalam merekabentuk kursus yang merangkumi 3 elemen penting iaitu bahan pengajaran, aktiviti pengajaran dan pentaksiran sekaligus dapat menghasilkan modul bagi setiap fakulti/pusat dan mencapai KPI e-pembelajaran UMP bagi tahun 2022.





Pada sesi bengkel kali ini juga, YBhg. Professor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin telah bersama-sama dengan peserta bengkel dalam membuat sesi perkongsian bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian melalui pembangunan Micro-Credential & MOOC serta halatuju e-pembelajaran di UMP.



**Bengkel
PEMBANGUNAN
KURSUS DIGITAL UMP**

Bilik Seminar Aras 2,
Fakulti Komputeran, UMP Pekan.

3 Okt. 2022
— Pengisian Pembangunan
Kursus Mikrocreeadentiale

4 Okt. 2022
— Sesi Perkongsian Inovatif e-Pembelajaran
berkaitan Neso Computer UUM

5 Okt. 2022
— Sesi Perkongsian & Pembangunan

Professor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin DMP
016-3212222
www.um.edu.my





LAWATAN KERJA DELEGASI (PSPe), KE UNISA DAN BINUS UNIVERSITI

25 OKTOBER 2022 | AISYIAH UNIVERSITY, YOGYAKARTA DAN BINUS UNIVERSITY

Delegasi PSPe seramai 4 orang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr Awanis Romli (Pengaruh PSPe) telah mengadakan lawatan kerja ke Universitas Aisyiyah Yogyakarta dan BINUS University, Jakarta pada 25 - 28 Oktober 2022. Objektif utama lawatan kerja ini adalah untuk rangka kerjasama pembangunan Micro-credentials dan MOOC bagi inisiatif jangka panjang dibawah Pelan Strategik UMP25. Kerjasama ini akan memperkukuhkan lagi agenda pendigitalan kandungan akademik universiti. Secara tidak langsung, pembangunan secara bersama dengan rakan kerjasama ini juga akan meningkatkan lagi penghasilan bilangan kursus Modular dan Micro-credentials sekaligus memberikan impak yang baik kepada penjenamaan UMP diperingkat antarabangsa.

Perbincangan bersama kedua-dua universiti ini juga mengfokuskan kepada cadangan kerjasama penganjuran persidangan yang bertaraf antarabangsa bagi inovasi akademik dan teknologi pembelajaran. Sepertimana sediamaklum, BINUS University adalah diantara universiti terbaik di Indonesia bagi program Teknologi Maklumat. Kedua-dua universiti juga memberikan maklumbalas yang positif bagi cadangan kerjasama penyelidikan dan juga penerbitan selain daripada menyambut baik inisiatif pembelajaran dalam talian yang dijalankan oleh pihak PSPe seperti Global Classroom.



LAWATAN PENANDA ARAS 21ST MIND

1 DEC 2022 | GLOBAL CLASSROOM



Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe), Universiti Malaysia Pahang (UMP), telah menerima kunjungan daripada syarikat 21st. Lawatan ini bertujuan untuk penanda aras bagi kemudahan yang disediakan oleh PSPe bagi e-pembelajaran dan bahan pengajaran dalam bentuk digital dikalangan pensyarah dan juga penawaran kursus-kursus yang dapat membantu mereka bagi memberi idea bagi pembangunan modul mereka.

MESYUARAT PEMBANGUNAN MICRO-CREDENTIALS BERSAMA MTDC

23 Nov 2022 | UMP Pekan



Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) telah mengadakan mesyuarat pembangunan Micro-credentials bersama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Delegasi MTDC yang diketuai oleh Tengku Nila Putri Tengku Ilham, Timbalan Pengarah - Bahagian Pembangunan Teknologi. Siri lawatan dan perbincangan pada kali ini lebih tertumpu kepada peluang kerjasama bagi pembangunan bersama UMP-MTDC bagi kursus Micro-credentials Industry (MCI). Hasil daripada mesyuarat ini, pihak MTDC berminat untuk bersetuju bagi membangunkan 4 kursus Micro-credentials Industry (MCI) secara bersama dengan pihak PSPe.



JKKP & EKSA

PSPe




KKP PSPE



SESI PEMERIKSAAN JKPP PSPE



EKSA PSPE





LENSA PSPE



















SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS
QS Asia University Rankings 2023
Universiti Malaysia Pahang
 Ranked **132** out of 760 institution
 2021: 21% ↑, 2022: 19% ↑, 2023: 18% ↑

TOP UNIVERSITIES IN MALAYSIA BASED ON

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

QS Asia University Rankings 2023

Rank	University	2022	2023
1	Universiti Malaya	8	7
2	Universiti Kebangsaan Malaysia	14	11
3	Universiti Teknologi Malaysia	18	16
4	Universiti Sains Malaysia	25	21
5	Universiti Malaysia Sarawak	38	35
6	Universiti Malaysia Terengganu	114	103
7	Universiti Malaysia Perlis	132	128
8	UMPA Johore Bahru	177	171
9	Universiti Malaysia Sabah	220	209
10	Universiti Islam Antarabangsa	261	259
11	Universiti Islam Sultan Ibrahim	323	312
12	Universiti Malaysia Pahang	370	358
13	International Islamic University Malaysia	523	526
14	Universiti Teknologi PETRONAS	549	549
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	607	576
16	Management & Science University	647	617
17	Universiti Pendidikan Sultan Idris	650	632
18	Universiti Malaysia Kelantan	687	676
19	Malindang University	689	672
20	Universiti Tun Hussein Onn Johore	697	676
21	Asia Pacific University of Technology and Innovation	715	700
22	Universiti Teknologi MARA	813	774
23	Universiti Malaysia Kedah	827	810
24	UMJ Johore	861	841
25	Universiti Tunku Abdul Razak	861	841
26	UMS Kedah	861	841
27	Universiti Malaysia Kelantan	861	841
28	Universiti Malaysia Perlis	861	841
29	UMI International University	861	841
30	UMJ Johore	861	841
31	Universiti Tunku Abdul Razak	861	841
32	UMS Kedah	861	841
33	Universiti Malaysia Kelantan	861	841
34	Universiti Malaysia Perlis	861	841
35	UMI International University	861	841
36	UMJ Johore	861	841
37	Universiti Tunku Abdul Razak	861	841
38	UMS Kedah	861	841
39	Universiti Malaysia Kelantan	861	841
40	Universiti Malaysia Perlis	861	841
41	UMI International University	861	841
42	UMJ Johore	861	841
43	Universiti Tunku Abdul Razak	861	841
44	UMS Kedah	861	841
45	Universiti Malaysia Kelantan	861	841
46	Universiti Malaysia Perlis	861	841
47	UMI International University	861	841
48	UMJ Johore	861	841
49	Universiti Tunku Abdul Razak	861	841
50	UMS Kedah	861	841

Source: <https://www.topuniversities.com/university-rankings/asia-university-rankings/2023>



JPT
JAWABAN
PENGALAMAN
TAMBAHAN



MEIPTA



Let's Join Us!

IUCEL 2023

INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING

كرنيول اي قمبرلجرن اونورسيتي قريقتك الترابلسا



"Empowering Society Through Education 5.0"

25th - 26th SEPTEMBER 2023
KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

International University Carnival on E-Learning (IUCEL) remains as a platform that promotes and explores global practices in e-learning applications across various learning institutions worldwide. The theme "Empowering Society Through Education 5.0" invites shared experiences from diverse participations of global educators who are passionate in making continuous improvements in teaching and learning. The organization of IUCEL 2023 aims to promote, explore and share global best practices and expertise in e-Learning at all levels of learning institutions from around the world.

Invention, Innovation &
Design on E-Learning (I2DEL)

E-Teacher Competition
(only for local Malaysian teachers)

STEAM@School
(School students)


IUCEL 2023



■ Awards ■ Competition ■ Exhibitions ■ Features Talk ■

www.iucel2023.ump.edu.my

in support of



CiReL UMP

SIDANG EDITOR

PENAUNG

Profesor. Dato. Ts. Dr Yuserrie Bin Zainuddin
Naib Canselor UMP

PENGERUSI

Prof. Madya Ts. Dr. Awanis Romli

SETIAUSAHA

Encik Mohd Shahri Mohd Akhir

PENYUMBANG ARTIKEL

Dr Sureena Abdullah
Dr Al-Fahim Mubarak Ali
Cik Yuzawani Binti Yusoff
En Mohd Amerul Shuib

REKA BENTUK GRAFIK

Cik Nursurainie Mohamed Shateri

WEBMASTER

Cik Nursurainie Mohamed Shateri

JURUFOTO

Encik Mohammad Iqbal Ramly
Encik Zul Inham Yahya

